- 1.14 "Maklumat Keselamatan" bermaksud maklumat peribadi anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada nombor kad pengenalan anda, tarikh lahir dan/atau nama ibu) yang mungkin diperlukan oleh Agen Perkhidmatan Pelanggan kami daripada anda apabila and mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan tersebut.
- 1.15 "Branch" bermaksud mana-mana satu atau lebih Cawangan Jualan dan Perkhidmatan pihak Bank walau di manapun ianya berada.



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

- 1.16 "Terma-Terma Standard" bermaksud terma-terma dan syarat-syarat standard pihak Bank yang sedia ada yang mengawal Akaun-Akaun, produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan dari perkara-perkara lazim pihak Bank, sama ada atau tidak produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan atau perkara-perkara sedemikian diakses atau ditawarkan melalui atau dalam Perkhidmatan TelePerbankan.
- 1.17 "Penyata Akaun" bermaksud penyata akaun yang dikeluarkan kepada anda dari semasa ke semasa, oleh pihak Bank menurut Terma-Terma Standard yang menunjukkan maklumat dan baki Akaun anda.
- 1.18 "Terma-Terma dan Syarat-Syarat" bermaksud Terma-Terma dan Syarat-Syarat berikut untuk Mengakses dan Menggunakan Perkhidmatan TelePerbankan seperti yang diubahsuai dari semasa ke semasa. Penggunaan pernyataan-pernyataan "kami", "kita", "pihak Bank" dan "kepunyaan kami/kita" bermaksud RHB Banking Group dan di mana berkenaan, kumpulan syarikat-syarikat Rashid Hussain Berhad, rakan-rakan kongsi dan kontraktor-kontraktornya, atau mana-mana satu daripada mereka manakala penggunaan pernyataan "anda" bermaksud anda dan/atau Wakil Yang Dilantik Khas oleh anda.

## 2. PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- 2.1 Perkhidmatan TelePerbankan tersebut boleh digunakan oleh anda dari 7 pagi sehingga 11 malam 7 hari seminggu tertakluk kepada apa-apa arahan atau

notifikasi berkenaan dengan akses dari penggunaan Perkhidmatan tersebut yang dikeluarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Sesetengah atau kesemua Perkhidmatan yang boleh diakses melalui telefon mungkin tidak boleh digunakan pada waktu-waktu yang tertentu disebabkan keperluan penyelenggaraan biasa, kerosakan atau kegagalan sistem, keterlaluhan permintaan atas sistem dan/atau keadaan-keadaan diluar kawalan pihak Bank. Pihak Bank tidak menjamin Perkhidmatan tersebut (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang disediakan melalui telefon boleh digunakan pada waktu-waktu yang dinyatakan di dalam ini.

## 3. KELAYAKAN

### Perkhidmatan Aras 1

- 3.1 Tanpa apa-apa carapun menyekat atau menghadkan hak-hak pihak Bank di bawah Klausa 3.4 di dalam terma-terma ini, Perkhidmatan Aras 1 disediakan untuk pelanggan-pelanggan memilih untuk menggunakan perkhidmatan Perbankan RHB atau Perbankan Islam RHB.

### Perkhidmatan Aras 2

- 3.2 Tanpa apa-apa carapun menyekat atau menghadkan hak-hak pihak Bank di bawah Klausa 3.4 di dalam ini, Perkhidmatan Aras 2 disediakan hanya untuk pelanggan-pelanggan yang telah sedia ada mempunyai Akaun dengan pihak Bank atau mana-mana cawangan dan yang mana Akaun adalah sah pada bila-bila masa di mana Perkhidmatan tersebut diakses dan/atau digunakan.



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

### Perkhidmatan Aras 3

3.3.1 Tanpa apa-apa carapun menyekat atau menghadkan hak-hak pihak Bank di bawah Klausa 3.4 di dalam ini, Perkhidmatan Aras 3 disediakan hanya untuk pelanggan-pelanggan yang telah sedia ada mempunyai Akaun dengan pihak Bank atau mana-mana cawangan dan yang mana Akaun adalah sah pada bila-bila masa di mana Perkhidmatan tersebut diakses dan/atau digunakan DAN yang tidak perlu:

- (a) Mendapatkan tandatangan pemegang-pemegang akaun bersama yang lain, di mana pelanggan merupakan seorang pemegang akaun bersama, untuk melaksanakan apa-apa transaksi kewangan mengikut Terma-Terma Standard; atau
- (b) Melantik seorang Wakil Yang Dilantik Khas untuk bertindak bagi pihaknya.

3.4 Kriteria kelayakan untuk mendapatkan akses dan menggunakan Perkhidmatan tersebut di atas tidak bersikap terhad dan tidak dalam apa-apa carapun menyekat pihak Bank daripada, mengenakan kriteria tambahan dan keperluan-keperluan lain atau meminda atau mengubah kriteria kelayakan untuk mendapatkan akses dan menggunakan Perkhidmatan tersebut atas budi bicara mutlak pihak Bank.

### 4. NOMBOR PENGENALAN, PIN DAN CIRI KESELAMATAN YANG LAIN

- 4.1 Anda perlu memasukkan Nombor Pengenalan dan PIN anda setiap kali anda mendapatkan akses dan/atau menggunakan Perkhidmatan TelePerbankan.
- 4.2 Pihak Bank berhak untuk mentaksahkan dan membatalkan Nombor Pengenalan dan/atau PIN anda pada bila-bila masa sama ada dengan notis terlebih dahulu atau tidak (walaupun anda akan dimaklumkan secepat mungkin selepas itu). Petidaksahan atau pembatalan sedemikian lazimnya akan dilaksanakan sekiranya kepentingan atau keselamatan Nombor Pengenalan dan/atau PIN anda digugat ataupun disyaki telah digugat, atau jikalau keselamatan Perkhidmatan tersebut diancam dalam apa-apa carapun. Walaubagaimanapun, pihak Bank tidak diwajibkan untuk memberikan sebarang alasan kepada anda dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi yang mungkin ditanggung oleh anda akibat petidaksahan dan pembatalan sedemikian.

### 5. TANGGUNGJAWAB ANDA MENGENAI KESELAMATAN

- 5.1 Untuk memastikan bahawa hanya anda sendiri boleh mendapatkan akses dan memberikan arahan dengan menggunakan Perkhidmatan tersebut, anda mestilah mematuhi kaedah-kaedah keselamatan yang berikut:



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

- (a) Adalah tanggungjawab peribadi anda untuk memastikan bahawa Nombor Pengenalan dan PIN anda sentiasa dirahsiakan. Anda dan/atau Wakil Yang Dilantik Khas anda tidak patut memberitahu Nombor Pengenalan dan/atau PIN tersebut kepada sesiapa pun termasuk pemegang akaun bersama anda, pengarah-pengarah anda, pemegang-pemegang saham anda dan pekerja-pekerja lain anda, yang mana berkenaan, atau pekerja pihak Bank, atau Agen Perkhidmatan Pelanggan pihak Bank. Sekiranya anda mengesyaki Nombor Pengenalan dan PIN anda diketahui oleh orang lain, anda mesti menukar PIN secara elektronik melalui Perkhidmatan tersebut secepat mungkin. Sekiranya anda tidak dapat berbuat demikian atas apa-apa sebab, anda mesti melaporkan hal pengesyakian kebongkaran tersebut dengan menghadirkan diri di mana-mana Branch ataupun dengan memanggil Agen Perkhidmatan Pelanggan kami dengan segera. Anda tidak boleh menggunakan atau cuba menggunakan Perkhidmatan tersebut sementara menunggu pengeluaran Nombor Pengenalan yang baru oleh pihak Bank dan/atau penukaran PIN anda
- (b) Adalah menjadi tanggungjawab peribadi anda untuk memastikan bahawa Wakil Yang Dilantik Khas anda tetap diberi kuasa oleh anda untuk mendapatkan akses dan/atau menggunakan Perkhidmatan tersebut dan memegang Nombor Pengenalan dan PIN bagi pihak anda. Sekiranya Wakil Yang Dilantik Khas tersebut terhenti diberi kuasa oleh anda untuk mendapatkan akses dan/atau menggunakan Perkhidmatan tersebut bagi pihak anda menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, anda perlu memaklumkan pihak Bank dengan serta merta melalui notis bertulis supaya Nombor Pengenalan dan PIN anda boleh dibatalkan. Anda kemudiannya perlu memohon untuk Nombor Pengenalan dan PIN yang baru untuk Wakil Yang Dilantik Khas anda yang baru menurut kaedah-kaedah pihak Bank pada masa yang materil. Meskipun Klausula 12.1, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa jenis kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau yang menimpa anda atau mana-mana pihak ketiga yang berpunca daripada kegagalan anda dalam melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab anda di dalam klausula kecil 5.1 (b).
- (c) Pihak Bank berhak menggantung akses dan penggunaan Perkhidmatan tersebut oleh anda sehingga Nombor Pengenalan dan/atau PIN baru anda diberikan



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

## 6. ARAHAN-ARAHAN

- 6.1 Anda bersetuju dan memberi kuasa tanpa boleh dibatalkan kepada kami untuk bertindak di atas segala arahan anda (termasuk pemindahan dana, pembayaran bil, arahan untuk memberhentikan pembayaran dan lain-lain) melalui Perkhidmatan tersebut, sama ada dihantar kepada kami secara elektronik ataupun melalui Agen Perkhidmatan Pelanggan kami setelah anda berjaya mendapatkan akses kepada Perkhidmatan tersebut dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk segala arahan dan secara khususnya untuk memastikan ketepatan arahan anda dan bahawa arahan anda tersebut adalah lengkap, dan juga untuk memastikan bahawa arahan yang sama tidak dihantar secara silap kepada kami dua kali
- 6.2 Segala arahan yang dikeluarkan oleh anda setelah anda berjaya mendapatkan akses kepada Perkhidmatan tersebut, apabila diterima oleh kami, akan dilaksanakan menurut kaedah-kaedah, had-had dan syarat-syarat yang ditentukan oleh kami dan apa-apa undang-undang yang terpakai dari semasa ke semasa. Kami berhak melambatkan atau enggan melaksanakan atau menentukan keutamaan atau melaksanakan arahan sedemikian, tanpa memberi notis terlebih dahulu dan atas budi bicara mutlak kami pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa alasan kepada anda. Anda diingatkan bahawa transaksi-transaksi yang tertentu mungkin hanya boleh diproses semasa waktu perbankan yang biasa dan mungkin mengambil beberapa Hari Urus Niaga untuk
- dilengkapkan meskipun lanjutan waktu dalam operasi Perkhidmatan tersebut.
- 6.3 Segala arahan yang dikeluarkan setelah anda berjaya mendapatkan akses kepada Perkhidmatan tersebut akan mengikat anda sebaik sahaja ianya dihantar kepada kami tanpa mengira sama ada arahan tersebut telah dikeluarkan oleh anda atau oleh orang lain, sama ada diberi kuasa ataupun tidak dan tidak kira sama ada terdapat apa-apa kesilapan atau fraud. Kami tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tanpa had kepada kerugian dana) yang menimpa atau ditanggung oleh anda yang berpunca daripada:
- (a) Apa-apa arahan atau transaksi tanpa kuasa yang sah yang dilaksanakan dengan penggunaan Nombor Pengenalan dan PIN anda akibat daripada kegagalan anda dalam mematuhi obligasi anda di bawah Klausa 5 di dalam ini;
  - (b) Keengganan kami untuk bertindak ke atas apa-apa arahan yang diberi kepada kami dalam keadaan yang mengikut budi bicara Bank yang mutlak meragukan atau tidak teratur;
  - (c) Perlaksanaan arahan oleh kami tanpa mengenal pasti ketepatan dan/atau lengkapnya atau tidak arahan tersebut walaupun pihak Bank berhak atas budi bicara mutlaknya untuk mengesahkannya dengan anda; atau



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

- (d) Kegagalan anda dalam mematuhi mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di dalam ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada cek tendang yang diakibatkan oleh kekurangan dana dalam Akaun anda setelah yuran dan bayaran di bawah Klausa 10 di dalam ini didebit dan kegagalan anda dalam mematuhi Klausa 7.5 di dalam ini.
- (b) Sebaik sahaja disedari, atau di mana anda mengesyaki atau mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa sebarang arahan yang diberi oleh anda tidak diterima oleh kami atau tidak tepat, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa kesilapan, fraud dalam atau pembayaran atau pindahan dana tanpa kuasa yang sah dari atau ke Akaun anda.
- 6.4 Apabila anda telah memberi sesuatu arahan, anda tidak boleh membatalkan atau memindanya. Walau bagaimanapun, atas permintaan anda, dalam budi bicara kami yang mutlak, kami mungkin (tetapi tidak diwajibkan) bersetuju untuk menarik balik, membatalkan, menukar atau sebaliknya meminda apa-apa arahan yang diberi oleh anda terdahulunya. Segala kos dan bayaran yang ditanggung oleh kami dalam melaksanakan permintaan anda tersebut akan ditanggung oleh anda dan anda di sini memberi kuasa kepada kami untuk menolaknya daripada Akaun anda seperti mana pihak Bank mendapati patut.
- 6.6 Anda dengan ini memberi kuasa kepada pihak Bank untuk merekod segala arahan anda secara bertulis, membuat pita rakaman atau apa-apa cara rakaman yang lain dan dalam apa-apa bentuk atau perantaraan sekalipun, dan rakaman sedemikian arahan dan/atau transaksi anda adalah terakhir, muktamad dan mengikat anda.
- 6.4 Ia adalah tanggungjawab anda untuk memaklumkan kepada kami dengan serta merta:
- 6.7 Kami mungkin menghantar kepada anda pengesahan mengenai transaksi kewangan anda mengikat amalan dan kaedah kami yang lazim terpakai pada masa kini atau pada masa yang relevan. Sebaik sahaja pengesahan sedemikian diberi kepada anda, ianya adalah terakhir, muktamad dan mengikat anda.
- (a) Apa-apa dan kesemua arahan, transaksi atau penggunaan yang lain di bawah Perkhidmatan tersebut yang mengandungi data atau maklumat dalam keadaan yang tidak lengkap, mengelirukan atau salah yang diterima oleh anda daripada kami;
- 6.9 Untuk mengelakkan keraguan, terma "setelah anda berjaya mendapatkan akses kepada Perkhidmatan tersebut" bermaksud setelah anda dapat akses Perkhidmatan tersebut dengan memasukkan Nombor Pengenalan dan PIN anda.



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

## 7. PEMINDAHAN DANA (TERMASUK PEMBAYARAN BIL)

- 7.1 Anda harus memastikan Akaun anda mempunyai baki yang mencukupi untuk membolehkan pihak Bank menyempurnakan apa-apa arahan untuk mendebit Akaun anda dan melaksanakan pindahan dana.
- 7.2 Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kelewatan atau kegagalan pindahan dana. Adalah dinasihati supaya anda memberi jangkamasa yang munasabah untuk membolehkan pihak Bank melaksanakan pembayaran bil dan/atau pindahan dana anda dan/atau memaklumkan anda mengenai apa-apa masalah atau sekatan dalam melaksanakannya. Pihak Bank hanya bertanggungjawab ke atas pindahan dana yang mana telah disahkan secara bertulis kepada anda bahawa ianya telah dilaksanakan.
- 7.3 Pihak Bank mempunyai kebebasan untuk menggunakan mana-mana pihak ketiga yang berasingan dalam mengeluarkan draf tuntutan ("demand drafts"), perintah juruwang ("cashier's order") atau dalam melaksanakan apa-apa pengiriman wang yang lain bagi pihak anda dan tidak menanggung apa-apa liabiliti ke atas apa-apa kelewatan, kegagalan dalam pengiriman wang atau kegagalan dalam penerimaan hasil sedemikian yang timbul dalam hal pihak ketiga berasingan tersebut.
- 7.4 Pihak Bank akan menentukan keutamaan pindahan dana yang diarahkan oleh anda mengikut budi bicara mutlak anda dan berhak atas budi bicara yang mutlak anda menggunakan kemudahan overdraf anda (sekiranya berkenaan) untuk melaksanakan pindahan dana tersebut dan bukannya Akaun yang lain (sekiranya tidak ditentukan oleh anda) dan setelah itu, memindah dana daripada mana-mana Akaun anda untuk mengambil kira mana-mana jumlah yang telah dilebih-keluarkan ("overdrawn") dalam akaun semasa anda. Tambahan juga, pihak Bank mempunyai kebebasan untuk melaksanakan pindahan untuk penyelesaian penuh kesemua hutang kad kredit yang tertunggak sekiranya kad kredit anda dibatalkan.
- 7.5 Apa-apa arahan untuk pindahan dana adalah tertakluk kepada apa-apa persetujuan yang sedia wujud atau yang mungkin wujud setelah ini di antara anda dan pihak Bank berkenaan dengan Akaun anda atau apa-apa kemudahan perbankan yang diberikan kepada anda. Secara khusus, pihak Bank memelihara haknya untuk:
- (a) Menolak pelaksanaan mana-mana satu atau lebih arahan anda untuk pindahan dana (sama ada berkenaan dengan pindahan dana hanya sekali atau arahan tetapi bayaran bil berulang-kali) tanpa memberi apa-apa alasan untuknya; dan/atau



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

- (b) Menetapkan had, sekatan atau syarat-syarat ke atas pindahan dana anda (samada berkenaan dengan jenis, penggunaan matawang, bilangan atau apa-apa segi mengenalnya yang lain yang mungkin diperlukan oleh pihak Bank atau pihak-pihak berkuasa tertentu yang lain.

## 8. PENYATA AKAUN

- 8.1 Segala transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan Perkhidmatan tersebut akan dinyatakan dalam Penyata Akaun berkala anda. Anda boleh menentusahkan ketepatan dan kelengkapan setiap Penyata Akaun yang diterima dari pihak Bank dan memaklumkan kepada pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh akhir tempoh yang diliputi oleh penyata tersebut mengenal apa-apa perselisihan, kekurangan, ketidaktepatan atau kesalahan dalam catitan dalam Akaun anda yang dinyatakan dan sekiranya anda gagal berbuat demikian, Penyata Akaun tersebut akan dianggap segagal betul, tepat dan lengkap dan juga muktamad dan mengikat anda.
- 8.2 Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa ganti rugi, kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh anda akibat kegagalan, kelewatan atau kelalaian anda dalam mematuhi peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Klausula 8.1 di atas dan anda wajib menanggung rugi pihak Bank berkenaan dengan apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang mungkin menimpa dan ditanggung oleh pihak Bank berkenaan dengannya.

## 9. PERTANYAAN

- 9.1 Kesemua Akaun anda (termasuk akaun-akaun bersama anda) akan disambung sesamanya secara automatik dan boleh diakses di bawah Perkhidmatan tersebut. Oleh yang demikian, anda memahami dan mengakui bahawa anda akan mematuhi dengan ketat obligasi-obligasi anda di bawah Klausula 4 dan 5 di dalam ini dan bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa ganti rugi dan kerugian yang ditanggung oleh anda bagaimana sekalipun ianya timbul akibat daripada kegagalan anda dalam mematuminya. Selanjutnya, meskipun apa-apa yang dinyatakan sebaliknya di dalam ini dan meskipun pematuhan peribadi anda terhadap kaedah langganan Perkhidmatan tersebut, pihak Bank berhak (tetapi tidak diwajibkan) untuk menyekat akses anda kepada Perkhidmatan tersebut sehingga pihak Bank menerima persetujuan bertulis anda mengenai pemegang akaun bersama anda (sekiranya berkenaan) untuk akses dan penggunaan Perkhidmatan tersebut oleh anda.
- 9.2 Kecuali dinyatakan di dalam Penyata Akaun berkala anda, anda dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa baki di dalam Akaun anda yang dimaklumkan kepada anda melalui Perkhidmatan TelePerbankan ini tidak boleh sama sekali untuk apa-apa tujuan pun diterima oleh anda sebagai muktamad dan tidak termasuk:
- (a) Simpanan (deposit) anda yang masih belum ditentusahkan oleh pihak Bank; dan



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

- (b) Mana-mana cek yang dikeluarkan oleh anda yang masih belum diproses dan/atau dikumpul oleh pihak Bank
- 9.3 Sebarang sebut harga kadar pertukaran mata wang atau kadar faedah oleh pihak Bank sebagai jawapan kepada permintaan dan/atau arahan telefon anda sama ada secara elektronik atau melalui Agen Perkhidmatan Pelanggan kami hanyalah untuk rujukan sahaja dan tidak mengikat pihak Bank melainkan jika pihak Bank mengesahkannya kemudian bagi tujuan urus niaga kewangan. Kadar pertukaran mata wang atau kadar faedah yang telah disahkan mengikat anda secara mutlak meskipun ada sebut harga pertukaran mata wang atau kadar faedah yang lain oleh pihak Bank pada masa yang sama melalui cara komunikasi yang lain.
- 9.4 Untuk apa-apa urus niaga di antara negara, kadar pertukaran mata wang adalah yang lazim terpakai pada tarikh urus niaga tersebut dilaksanakan di Malaysia. Penyata pihak Bank berkenaan dengan kadar pertukaran mata wang yang terpakai dianggap mengikat dan muktamad.

## 10. YURAN DAN BAYARAN

- 10.1 Pihak Bank berhak dari semasa ke semasa dengan memberi notis dengan tempoh minimum tujuh (7) hari untuk mengenakan sebarang yuran dan bayaran atau menukar yuran atau bayaran yang sedia ada untuk mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan tersebut mengikut mana-mana kaedah, peraturan dan lain-lain arahan yang terpakai yang

dikenakan oleh pihak berkuasa yang relevan. Akses dan penggunaan terus Perkhidmatan tersebut membuktikan penerimaan anda terhadap yuran dan bayaran tersebut

- 10.2 Yuran dan bayaran yang dinyatakan di atas hanya berkenaan dengan akses dan penggunaan Perkhidmatan tersebut atau sebarang barangan atau perkhidmatan yang disediakan di bawahnya. Anda mungkin perlu menanggung yuran-yuran atau bayaran-bayaran yang lain yang dikenakan oleh pihak Bank untuk urus niaga dan arahan yang dibuat di bawah atau selaras dengan Perkhidmatan tersebut (termasuk bayaran bank, bayaran pentadbiran, yuran pemprosesan ("processing fees"), bayaran faedah, dan sebagainya) yang perlu dibayar kepada kami di bawah Terma-Terma Standard atau di bawah mana-mana persetujuan, terma, syarat atau amalan yang lain yang terpakai yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- 10.3 Anda dinasihatkan bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mendebit Akaun anda secara automatik untuk kesemua yuran dan bayaran untuk mendapatkan akses dan menggunakan Perkhidmatan tersebut dan apa-apa yuran kerajaan, cukai, levi dan/atau duti setem dan juga apa-apa yuran dan bayaran yang perlu dibayar untuk transaksi yang dilaksanakan oleh anda dari semasa ke semasa yang dinyatakan di dalam ini. Kami tidak berkewajipan untuk memaklumkan atau mendapatkan kelulusan anda yang terdahulu sebelum membuat sebarang pendebitan.



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

10.4 Anda juga dinasihatkan bahawa sekiranya terjadinya overdraf dalam Akaun anda akibat daripada pihak Bank menjalankan haknya dalam mendebit Akaun anda secara automatik, jumlah yang melebihi-keluarkan ("overdrawn") daripada Akaun anda termasuk faedah dan apa-apa bayaran bank, pentadbiran dan bayaran-bayaran yang lain yang dikenakan oleh kami merupakan hutang yang tertunggak dan perlu dibayar kepada kami yang dikenakan faedah kemudahan overdraf dan kadar penalti yang biasa.

## 11. REPRESENTASI DAN WARANTI

- 11.1 Anda bersetuju bahawa Perkhidmatan TelePerbankan dan hak-hak yang diberikan kepada anda di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat di dalam ini adalah disediakan kepada anda khususnya untuk akses dan penggunaan peribadi anda.
- 11.2 Melainkan kecuali dinyatakan secara khusus di dalam ini dan ke takat yang sepenuhnya dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak membuat dan secara khususnya mengecualikan kesemua dan sebarang waranti, representasi, jaminan dan pengendorsan sama ada tersurat ataupun tersirat, lisan ataupun bertulis, termasuk tetap tanya terhad kepada waran mengenai keupayaan dagang ("merchantability"), kesesuaian untuk sesuatu tujuan, ketepatan, kualiti, ketelitian, kecukupan, ketepatan waktu dan/atau kelengkapan sesuatu barangan, perkhidmatan, maklumat dan apa-apa yang lain (termasuk barangan,

perkhidmatan, maklumat dan kandungan berkenaan dengan pihak ketiga) yang disediakan kepada anda di bawah atau menurut Perkhidmatan TelePerbankan atau Terma-Terma dan Syarat-Syarat atau pelaksanaan, penggunaan dan operasi mana-mana yang dinyatakan sebelum ini.

- 11.3 Anda bersetuju bahawa anda tidak bergantung kepada sebarang representasi, waranti atau jaminan yang dibuat oleh kami kecuali dan melainkan representasi, waranti atau jaminan yang mana telah secara khusus dinyatakan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat di dalam ini. Sebarang representasi sama ada secara bertulis ataupun lisan yang diberi oleh mana-mana Agen Perkhidmatan Pelanggan, pegawai atau wakil pihak Bank adalah tak sah dan tidak mempunyai sebarang kesan undangan.
- 11.4 Bagi mengelakkan keraguan. Klausula 11 ini akan terus terpakai setelah luputnya atau tamatnya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini untuk sebarang sebab.

## 12. TANGGUNGAN DAN TANGGUNG RUGI

- 12.1 Kami hanya akan bertanggungjawab terhadap kerugian dan ganti rugi langsung anda yang diakibatkan secara tunggal oleh kecuaiian melampau dan/atau keingkaran sengaja kami. Dalam apa-apa keadaan pun kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

kerugian atau ganti rugi yang lain sama ada secara langsung atau tidak langsung, ganti rugi teladan, berbangkit, sampingan, punitif, kerugian atau ganti rugi khas, atau kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik (termasuk yang berkenaan dengan pihak ketiga dan walaupun dimaklumkan mengenainya) bagaimana sekalipun ianya timbul dan sebarang kerugian sedemikian dikecualikan secara khusus.

12.2 Peruntukan yang terkandung di dalam Klausa 12 di sini terpakai ke takat yang sepenuhnya dan selebarnya dibenarkan oleh undang-undang. Rujukan kepada terma-terma "kami", "kita" atau "kepunyaan kami/kita" di dalam Klausa 12 di sini dan di tempat lain berkenaan dengan tanggungan pihak Bank adalah termasuk, di mana berkenaan, syarikat-syarikat di dalam kumpulan syarikat Rashid Hussain Berhad, rakan kongsinya dan kontraktornya dan juga pengarah, pekerja, staf, agen dan/atau wakil

12.2 Tanpa prasangka kepada keluasan makna perkara-perkara yang dinyatakan sebelum ini, anda memahami bahawa anda sendiri bertanggungjawab untuk kegunaan dan akses kepada Perkhidmatan TelePerbankan dan dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi, membela dan melindungi pihak Bank terhadap sebarang tuntutan, tuntutan desak, guaman, tindakan, penghakiman, ganti rugi, kos, kerugian dan perbelanjaan (termasuk fee guaman dan perbelanjaan atas dasar peguam dan anakguam) dan tanggungan-tanggungan yang lain apa jua pun dan bagaimana pun terjadi yang timbul atau ditanggung oleh pihak Bank dalam menyediakan

Perkhidmatan tersebut kepada anda atau yang mungkin dimulakan oleh mana-mana pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad kepada pemegang akaun bersama anda) sama ada atau tidak yang timbul daripada atau berkaitan dengan,

(a) Kegagalan anda untuk mematuhi dengan ketat obligasi anda mengenai keselamatan di bawah Klausa 5 di sini dan/atau tindakan dan kegagalan selanjutnya oleh mana-mana pihak yang menggunakan Nombor Pengenal dan/atau PIN anda yang diakibatkan oleh kegagalan anda untuk sama sekali mematuhi obligasi anda mengenai keselamatan yang dinyatakan di atas;

(b) Sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang, tidak bermoral dan/atau cuai, kesilapan atau kegagalan melalui Perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada fraud, penipuan, fitnah dan lain-lain dan/atau kegagalan untuk mematuhi undang-undang dan/atau peraturan-peraturan yang terpakai (sila rujuk kepada Klausa 14 di dalam ini);

(c) Kegagalan anda untuk memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun anda dan/atau memberi arahan melaksanakan transaksi dengan cukup awal dan/atau menurut terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai berkenaan dengannya (sila rujuk kepada Klausa 7.2 dan Klausa 6 secara am);



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

- (d) Akses dan/atau penggunaan Perkhidmatan tersebut oleh anda,
- (e) Sebarang arahan sama ada yang dibuat tanpa kuasa sah atau tidak wajar atau sama sekali diberi oleh Wakil Yang Dilantik Khas anda;
- (f) Kegunaan tidak wajar atau tanpa kuasa sah Perkhidmatan tersebut, Nombor Pengenal dan/atau PIN anda oleh Wakil Yang Dilantik Khas anda; dan/atau
- (g) Sebarang kemungkiran atau ketaklaksanaan terma atau peruntukan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini oleh Wakil Yang Dilantik Khas anda.

### 13. PENGGANTUNGAN/PENAMATAN PERKHIDMATAN

13.1 Meskipun apa-apa peruntukan di dalam ini, kami berhak, pada bila-bila masa, dengan atau tanpa notis dan tanpa memberi sebarang alasan kepada anda, dengan serta merta memberhentikan, menggantung atau menamatkan Perkhidmatan TelePerbankan (atau mana-mana bahagian daripadanya) atau hak anda untuk mendapatkan akses dan menggunakan Perkhidmatan TelePerbankan (atau mana-mana bahagian daripadanya) tanpa syarat ataupun sebaliknya, atas budi bicara tunggal dan mutlak kami. Pihak Bank berhak juga, atas budi bicara tunggal dan mutlaknya mengenakan syarat-

syarat berkenaan dengan penggantungan tersebut termasuk jangkamasa penggantungan dan pengembalian semula Perkhidmatan tersebut dan keperluan-keperluan sebelum apa-apa pengembalian semula dibuat.

13.2 Anda boleh membuat permintaan untuk menamatkan akses dan penggunaan Perkhidmatan tersebut oleh anda pada bila-bila masa di mana akibat penamatan seperti yang dinyatakan di dalam Klausa 13.3 akan terpakai.

13.3 Apabila Perkhidmatan tersebut ditamatkan, kami tidak berkewajipan untuk bertindak ke atas sebarang arahan anda, sama ada yang diterima sebelum atau selepas tarikh kuat kuasa penamatan dan yang masih belum dilaksanakan oleh kami terdahulunya, mengikut budi bicara tunggal dan mutlak kami. Penamatan dan penggantungan Perkhidmatan tersebut oleh kami di bawah Klausa 13 di sini tidak sama sekali memberi hak kepada anda dan anda dengan ini melepaskan segala hak untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap kami untuk sebarang dan kesemua kerugian dan ganti rugi yang menimpa dan ditanggung oleh anda sebagai akibat langsung atau tidak langsung tindakan penamatan atau penggantungan

### 14. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI/MENAKLUK DAN BIDANG KUASA

14.1 Terma-Terma dan Syarat-Syarat di dalam ini akan ditentukan dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Pihak-pihak di sini akan patuh kepada bidang kuasa



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia tetapi pihak Bank berhak mengambil tindakan terhadap anda di mahkamah-mahkamah di mana-mana negara lain di mana bidang kuasa dapat dibuktikan.

14.2 Tanpa dalam apa-apa cara menghadkan atau memprejudiskan keluasan makna Klausula 14 di dalam ini, anda bersetuju bahawa:

- (a) Penyediaan dan penggunaan Perkhidmatan tersebut dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada panduan-panduan Bank Negara Malaysia dan/atau peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa Tanpa menghadkan keluasan makna ayat yang terdahulu, anda mesti menggunakan Perkhidmatan tersebut dengan mematuhi dengan ketat undang-undang Kawalan Pertukaran. Di mana berkenaan, anda mesti mendapatkan apa-apa kelulusan yang relevan dari Bank Negara Malaysia menurut undang-undang Kawalan Pertukaran tersebut.
- (b) Segala transaksi atau penggunaan oleh anda di bawah atau menurut Perkhidmatan tersebut tidak melanggar undang-undang Malaysia mahupun (jika berkenaan) undang-undang yang sedia wujud di negara (-negara) yang terlibat di dalam transaksi atau penggunaan dari itu, ia menjadi obligasi tunggal

anda untuk mematuhi undang-undang Malaysia atau mana-mana negara yang berkenaan tanpa kami diperwajibkan untuk memberitahu atau memaklumkan anda mengenai undang-undang tersebut.

## 15. NOTIS

15.1 Melainkan kecuali diperuntukkan secara khusus di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini atau di mana sebaliknya dimaklumkan oleh pihak Bank kepada anda dari semasa ke semasa, sebarang atau kesemua notis, arahan atau komunikasi yang lain yang perlu diberi oleh anda kepada pihak Bank di sini mesti secara bertulis, ditandatangani oleh anda dan dihantar secara pos berdaftar dan hanya akan mempunyai kesan ("effective") apabila diterima oleh pihak Bank di alamat yang berikut.

RHB Banking Group,  
Level 8, Tower Three, RHB Centre,  
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur,  
Malaysia.

15.2 Pihak Bank boleh memberi notis; kepada anda melalui mana-mana satu cara yang berikut mengikut budi bicara tunggalnya.

- (a) Melalui pos biasa kepada alamat terakhir anda menurut rekod pihak Bank;
- (b) Melalui hantaran faks kepada nombor faks terakhir anda menurut rekod pihak Bank;



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

- (c) Melalui apa-apa cara makluman/notifikasi yang lain mengikut budi bicara pihak Bank dari semasa ke semasa. Melainkan di mana secara khusus diperuntukkan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini mengenai tempoh waktu yang khusus untuk memberi notis, sebarang notis yang diberi atau yang perlu diberi oleh pihak Bank di bawah ini boleh diberi mengikut apa yang dianggap sesuai oleh pihak Bank dengan serta-merta atau dalam apa-apa jangkamasa yang ditentukan oleh pihak Bank.

## 16. AM

- 16.1 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan ditafsirkan bersama dengan Terma-Terma Standard. Jika terdapat sebarang percanggahan, perselisihan atau kemusykilan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan Terma-Terma Standard atau versi terjemahan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dalam bahasa-bahasa yang lain, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dalam Bahasa Inggeris akan terpakai hanya berkenaan dengan percanggahan, perselisihan atau kemusykilan tersebut.
- 16.2 Pihak Bank memelihara haknya untuk mengubah, meminda, membatalkan atau menambah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis terdahulu dari itu. Walaubagaimanapun, dalam keadaan yang memerlukan kesegeraan atau untuk memelihara keselamatan Perkhidmatan TelePerbankan atau dalam keadaan-keadaan yang lain yang diluar kawalan kami, jika pihak

Bank mendapati bahawa adalah perlu untuk mengubah, meminda, membatalkan atau menambah Terma-Terma dan Syarat-Syarat tanpa memberi notis kepada anda, pihak Bank akan memaklumkan anda mengenai perubahan-perubahan sedemikian secepat mungkin selepasnya dan/atau alasan-alasan untuk perubahan-perubahan tersebut. Anda selanjutnya bersetuju dan menerima bahawa akses dan penggunaan terus anda mengenai Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang diubah dan dipinda dari semasa ke semasa) membuktikan penerimaan oleh anda apa-apa perubahan, pembatalan, pemindaan atau penambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

- 16.3 Tajuk-tajuk yang digunakan di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat di dalam ini adalah hanya untuk rujukan dan kemudahan sahaja dan tidak akan dianggap sebahagian ini atau diambil kira dalam pentafsiran atau pengertian Terma-Terma dan Syarat-Syarat di dalam ini.
- 16.3 Jikalau mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini diputuskan sebagai menyalahi undang-undang dan tidak sah di bawah undang-undang atau peraturan-peraturan pada masa kini atau pada masa akan datang yang berkuatkuasa dan terpakai, peruntukan tersebut akan boleh diasingkan sepenuhnya dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan ditafsirkan semacam peruntukan yang menyalahi undang-undang atau tidak sah tersebut tidak pernah membentuk sebahagian daripada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan peruntukan Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang



Your Partner For Growth



Your Partner For Growth

selebihnya akan tetap berkesan dan berkuatkuasa sepenuhnya dan tidak akan dijejaskan oleh peruntukan yang menyalahi undang-undang atau tidak sah tersebut atau pengasingannya daripada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

16.4 Kegagalan pihak Bank untuk menguatkuasakan sebarang peruntukan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini pada bila-bila masa tidak akan dianggap sebagai pelepasan haknya untuk menguatkuasakan kemungkiran peruntukan tersebut atau apa-apa peruntukan yang lain di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat tersebut atau sebagai pelepasan sebarang kemungkiran yang berterusan, berturutan atau berikutan mana-mana peruntukan atau peruntukan lain Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

16.5 Sebarang persetujuan, waad ("covenant"), terma, penentuan dan akujanji yang dinyatakan sebagai dibuat oleh dan dalam pihak anda dalam keadaan di mana terdapat dua (2) atau lebih orang akan dianggap dibuat oleh anda dan mengikat anda dan mana-mana orang yang lain tersebut secara bersama dan masing-masing.

16.7 Jikalau anda sama ada sebuah penubuhan perbadanan atau bukan perbadanan, syarikat atau perkongsian, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengikat pengganti dalam hakmilik dan penerima serahhak yang dibenarkan anda.

For more information, please call RHB PhoneBanking at **03-9206 8118 or 082-276 118**, visit **rhbbank.com** or your nearest branch.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi TelePerbankan RHB di **03-9206 8118 or 082-276 118**, kunjungi **rhbbank.com** atau cawangan anda yang terdekat.



**Your Partner For Growth**



**Your Partner For Growth**